



KENYATAAN MEDIA TIMBALAN PERDANA MENTERI

ILTIZAM KERAJAAN MENGHADAPI TARIF AMERIKA SYARIKAT – KEKAL DAYA SAING LUAR BANDAR, SEKTOR HALAL DAN TVET

Saya menyambut baik dan menyatakan sokongan penuh terhadap langkah-langkah yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri Dato' Seri Anwar Ibrahim dalam Sidang Khas Parlimen bagi menangani dampak pengenaan tarif balas oleh Amerika Syarikat ke atas Malaysia. Langkah proaktif Kerajaan MADANI melalui *penubuhan National Geo-Economic Coordination Centre (NGCC)* jelas memperlihatkan komitmen Kerajaan untuk mempertahankan kepentingan negara, sekali gus memastikan daya saing Malaysia kekal kukuh di mata dunia.

Sebagai Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah, saya memandang serius cabaran yang dihadapi komuniti desa akibat ketidaktentuan perdagangan global. Ramai penduduk luar bandar secara tidak langsung bergantung pada sektor E&E, kelapa sawit, getah, dan pertanian, dengan AS antara pasaran utama negara. Justeru, saya yakin usaha Kerajaan ini bukan sahaja berunding mengurangkan tarif, tetapi juga membuka pasaran baharu di ASEAN, Timur Tengah, Mesir, Pakistan, dan Kemboja amat penting bagi melindungi pendapatan dan kelangsungan hidup merek yang terkesan.

Saya juga bersyukur atas tindakan pantas Kerajaan mengumumkan peruntukan RM1 bilion untuk naik taraf sempadan Sabah dan Sarawak-Kalimantan, serta had sebut harga dinaikkan RM1 juta ke RM3 juta. Ini secara langsung akan memperlihatkan pembinaan sekolah, klinik, jalan, dan tebatan banjir dapat dipercepat serta membuka lebih banyak peluang kerja untuk kontraktor kecil dan pekerja di kawasan luar bandar.

Dalam sektor pembangunan Halal pula, Malaysia akan terus diyakini menerajui industri Halal dunia dengan nilai eksport mencecah RM61.79 bilion pada 2024 (meningkat 15% berbanding tahun sebelumnya), mengekalkan kedudukan nombor satu dalam Indeks Ekonomi Islam Global selama 10 tahun berturut-turut. Namun, kelembapan ekonomi global akibat dasar tarif ini dijangka menjejaskan permintaan antarabangsa terhadap

pelbagai produk eksport, termasuk barangan Halal, sekali gus memberi tekanan kepada penggiat industri tempatan.

Justeru, usaha mempergiat meneroka pasaran baharu, khususnya di GCC dan Asia Selatan, melalui padanan perniagaan dan penyertaan dalam ekspo antarabangsa akan memangkin pertumbuhan eksport, membuka peluang baharu untuk usahawan tempatan, dan mengukuhkan kedudukan Malaysia sebagai hab Halal global.

KKDW bersama MATRADE dan HDC akan memastikan usahawan Halal, khususnya di desa, akan terus menembusi pasaran global. InsyaAllah, RM50 juta telah diperuntukkan kepada MATRADE untuk mempercepat usaha ini dan membuka akses ke pasaran antarabangsa yang lebih luas.

Dalam bidang TVET pula, kita sedar bahawa cabaran dalam sektor E&E akan memberikan kesan langsung terhadap keperluan modal insan berkemahiran tinggi. Sebagai Pengerusi Majlis TVET Negara, saya beriltizam untuk memperkukuh institusi-institusi TVET negara agar dapat membina lebih banyak kerjasama antarabangsa khususnya dalam bidang teknologi kecerdasan buatan (AI), teknologi hijau, dan pendigitalan.

Keutamaan kita adalah untuk memastikan lebih ramai belia desa mendapat akses kepada latihan TVET yang relevan dan berkualiti, seterusnya meningkatkan penyertaan mereka dalam sektor-sektor bernilai tinggi yang akan memacu ekonomi masa hadapan.

Malaysia kini berada pada landasan kukuh dengan KDNK 2024 mencatat 5.1%, defisit fiskal menurun, inflasi stabil dan Kerajaan komited melaksanakan agenda reformasi seperti NIMP 2030, NETR, dan pendigitalan negara tanpa menjejaskan prinsip utama termasuk hak Bumiputera, keperluan vendor tempatan, dan perlindungan sektor strategik.

Saya percaya, setiap langkah yang kita ambil adalah demi melindungi rakyat, khususnya komuniti desa, agar terus teguh menghadapi ketidaktentuan global. Marilah kita rapatkan saf, memupuk solidariti nasional, dan bersama-sama merealisasikan agenda pembaharuan di bawah kerangka Ekonomi MADANI, demi membina Malaysia yang lebih makmur, inklusif, dan berdaya tahan untuk generasi akan datang.

AHMAD ZAHID HAMIDI

Timbalan Perdana Menteri

6 Mei 2025